

♥13/06/17-51MST

U GB 13-06 00163 AA762

aab

Mahathir - Hubungan

HUBUNGAN MALAYSIA-TAIWAN MENGIKUT AMALAN ANTARABANGSA, KATA MAHATHIR

MELAKA, 13 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hubungan Malaysia dengan Taiwan adalah cukup rapat setakat yang diizinkan mengikut amalan biasa perhubungan antarabangsa.

Katanya, Malaysia tidak boleh mengadakan hubungan yang bercorak rasmi kerana ia tidak selaras dengan amalan antarabangsa.

"Kita ikut apa yang menjadi amalan bagi semua negara yang mempunyai hubungan dengan Taiwan," katanya ketika ditanya oleh sekumpulan pemberita Taiwan, yang hadir pada perasmian kilang besi keluli Ornasteel Corporation di Air Keroh di sini hari ini.

Mereka ingin tahu mengenai usaha Malaysia untuk merapatkan hubungan dengan Taiwan.

Dr Mahathir juga memberitahu pemberita Taiwan itu bahawa beliau berpendapat institusi kewangan Taiwan yang bukan milik kerajaan mungkin boleh melabur di negara ini. Bagaimanapun beliau tidak dapat memberikan perincian dasar berkaitan perkara itu.

Perkara itu boleh di jelaskan mengikut salurannya jika pihak Taiwan berminat, katanya. -- Lagi.

♥13/06/17-44MST

CNS6911

U GB 13-06 00069 BA763

aab

Mahathir - Hubungan 2 (Akhir) Melaka

Menegenai pemberian taraf pemastautin kepada pelabur Taiwan di negara ini, beliau berkata Malaysia biasa memberi taraf itu kepada mereka tetapi kesnya ditimbang satu persatu mengikut merit.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia menyokong penyertaan Taiwan dalam Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) kerana Taiwan mempunyai perdagangan yang besar. -- Bernama

APY NMO